

KEMPEN CHINESE NEW YEAR GREAT FORTUNE

Dikemaskini pada: 31 Januari 2018

TEMPOH KEMPEN

Hong Leong Bank Berhad (97141-X) ("HLB") "**Kempen Chinese New Year Great Fortune**" bermula pada **1 Februari 2018** dan berakhir **31 Mac 2018**, termasuk kedua-dua tarikh, kecuali dinyatakan sebaliknya ("Tempoh Kempen").

TERMA & SYARAT

Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk Kempen di bawah:

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada pelanggan bukan individu baru dan sedia ada yang tidak mempunyai apa-apa HLB Akaun Semasa "PowerSME" ("Pelanggan") sebelum Tempoh Kempen.
2. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, pelanggan bukan individu merujuk kepada Syarikat Sendirian Berhad (contohnya: syarikat yang ada Sdn Bhd didalam namanya) yang didaftarkan dan diperbadankan di Malaysia.

MEKANIK KEMPEN

3. Lapan puluh lapan (88) Pelanggan yang pertama dan memenuhi kriteria yang ditetapkan berikut ("Pelanggan Layak") adalah layak untuk menerima Hadiah berikut:

Kriteria	Jenis Hadiah
Buka satu Akaun Semasa "PowerSME" dengan deposit permulaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lapan Ribu Lapan Ratus Lapan Puluh Lapan (RM8,888.00) ("Deposit Permulaan") dan ke atas semasa Tempoh Kempen.	Kad Petrol (bernilai RM50) ("Hadiah") x 1 unit

4. Hadiah adalah terhad dan berdasar pada siapa cepat, dia dapat, setiap Pelanggan Layak hanya layak menerima satu (1) Hadiah.
5. Bagi mengelakkan keraguan, Deposit Permulaan ditakrifkan sebagai deposit yang didepositkan ke dalam Akaun Semasa "PowerSME" yang baru dibuka pada hari yang sama.
6. Bagi tujuan Promosi ini, Deposit Permulaan mestilah "Dana Baharu". Dana Baharu adalah dana daripada bank lain berupa wang tunai, GIRO antara bank, pindahan segera, PFX, pindahan telegraf, cek tempatan dan/atau cek jurubank yang didepositkan ke dalam Akaun Semasa "PowerSME" Pelanggan Layak.

7. Dana berikut tidak akan dianggap “Dana Baru”:
 - (a) Pemindahan dana antara bank, iaitu pemindahan dana daripada akaun HLB/Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) yang lain; dan/atau
 - (b) Pemindahan antara cawangan dalam HLB/HLISB termasuk pemindahan akaun pihak ketiga.
8. Setiap Pelanggan Layak adalah layak menerima hanya satu (1) Hadiah tidak mengira jumlah Akaun Semasa “PowerSME” yang dibuka sepanjang Tempoh Kempen.
9. HLB tidak membuat sebarang representasi atau memberikan sebarang jaminan bagi kualiti atau kesesuaian Hadiah tersebut. HLB tidak akan menggantikan Hadiah tersebut dalam apa-apa keadaan sekiranya Hadiah tersebut hilang, dicuri atau rosak (sama ada kecacatan dalam bahan atau mutu kerja oleh pengilang atau dibawah jaminan atau sebaliknya). Sebarang aduan atau pertikaian berhubung dengan Hadiah di bawah Kempen ini hendaklah diselesaikan antara Pelanggan Layak dengan kos dan perbelanjaan sendiri, dan peniaga Hadiah yang berkenaan, tanpa melibatkan sebarang tindakan ke atas HLB.
10. Semua ciri-ciri Hadiah dalam semua bentuk bercetak dan/atau laman web (jika ada) adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Apa-apa alat, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama dengan Hadiah dimana-mana bahan bergambar (jika ada) adalah untuk tujuan hiasan and tidak boleh menjadi sebahagian daripada Hadiah tersebut.
11. Hadiah tersebut tidak boleh ditukarkan dengan sebarang wang tunai, kredit atau manfaat dalam bentuk lain.
12. Pelanggan Layak adalah terikat dengan terma and syarat yang dikenakan oleh pengilang/vendor yang berkaitan dengan Hadiah tersebut.
13. Pelanggan Layak yang berhak menerima Hadiah akan dimaklumkan oleh HLB sama ada secara bertulis atau melalui panggilan telefon atau sebarang kaedah yang dianggap wajar oleh HLB pada bila-bila masa tidak lewat daripada 31 Mei 2018 (“Tarikh Makluman”).
14. Pelanggan Layak yang tidak menerima sebarang makluman oleh HLB selepas 31 Mei 2018 adalah dianggapkan tidak berhak menerima Hadiah tersebut.
15. Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk menuntut Hadiah mereka dalam masa empat puluh lima (45) hari dari Tarikh Makluman secara terus daripada cawangan HLB mereka masing-masing di mana mereka membuka dan mengurus Akaun Semasa “PowerSME” mereka. Hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan. HLB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang Hadiah tidak dituntut atau kelewatan Pelanggan Layak untuk menuntut Hadiah selepas tamat tempoh empat puluh lima (45) hari dari Tarikh Makluman.

UMUM

16. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan:
 - (a) bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju dengan Terma dan Syarat tertakluk di dalam ini atau mana-mana Terma dan Syarat lain yang berkenaan yang mungkin akan dikenakan oleh HLB dari semasa ke semasa;
 - (b) bersetuju bahawa keputusan HLB dalam semua perkara berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas semua Pelanggan, dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan tidak akan dilayan. Sekiranya sebarang perkara timbul yang tidak dilindungi dalam Terma dan Syarat ini, ia akan ditentukan secara mutlak oleh HLB;

- (c) bersetuju untuk melayari laman web bank di www.hlb.com.my ("Laman Web HLB") dari semasa ke semasa untuk menyemak terma dan syarat dan untuk memastikan mereka mengetahui maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau variasi kepada terma dan syarat tersebut;
- (d) bersetuju untuk menanggung sendiri segala cukai, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan kepada mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Kempen ini dan/atau penerimaan Hadiah; dan
- (e) bersetuju bahawa semua transaksi yang direkodkan oleh system HLB untuk Kempen ini adalah tepat dan muktamad.

17. HLB berhak untuk:

- (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau mengubah Terma dan Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atau untuk menggantung atau menamatkan Kempen, pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak, dengan kaedah menyiarkan dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa kaedah yang dianggap sesuai oleh HLB untuk memberi notis awal kepada Pelanggan;
- (b) membatalkan kelayakan Pelanggan daripada menyertai Kempen ini atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh HLB atas budi bicaranya yang mutlak;
- (c) mengganti mana-mana atau semua Hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya atas budi bicaranya yang mutlak, dengan kaedah menyiarkan dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa kaedah yang dianggap sesuai oleh HLB untuk memberi notis awal kepada Pelanggan; dan
- (d) membatalkan mana-mana Hadiah sekiranya tidak mematuhi Terma dan Syarat yang ada.

18. Terma dan Syarat di dalam ini hendaklah dibaca bersama-sama Terma dan Syarat Akaun Semasa "PowerSME" dan mana-mana terma dan syarat berkaitan yang mungkin ditetapkan oleh HLB dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka Terma dan Syarat tertentu di dalam ini akan digunakan setakat mengenai percanggahan tersebut.

19. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan dengan atau berhubung dengan Kempen ini, Terma dan Syarat mutlak yang terdapat di Laman Web HLB akan digunakan.

20. Terma dan Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan Pelanggan dan/atau Pelanggan Layak bersetuju akur kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

21. Perkataan yang menandakan satu gender termasuk semua gender lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Akaun Semasa PowerSME Hong Leong layak untuk dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM")